

29 APR 1999

MTUC-Gaji

MTUC MINTA KERAJAAN LAKSANA GAJI MINIMUM TAHUN DEPAN

PETALING JAYA, 29 April (Bernama) -- Setelah 50 tahun memperjuangkan penetapan gaji minimum bagi pekerja, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) hari ini meminta kerajaan melaksanakan tuntutan itu mulai tahun depan.

Presidennya, Senator Zainal Rampak berkata sudah masanya pekerja di negara ini menerima gaji minimum dan bukan gaji yang ditetapkan oleh majikan mengikut "kuasa pasaran".

"Isu ini telah diperjuangkan oleh MTUC sejak penubuhannya pada 1949. Soal kuasa pasaran tak sesuai kerana pekerja bukan komoditi ... kita perlu pendapatan tetap kerana kos kehidupan pun telah meningkat dengan tinggi," katanya pada satu persidangan berita di sini hari ini.

Zainal berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri ketika bertemu dengan MTUC tahun lepas telah menyatakan kerajaan akan melaksanakan gaji minimum RM1,200 setelah ekonomi pulih.

"Kini telah ada tanda-tanda ekonomi kian pulih. Pertumbuhan ekonomi satu peratus tahun ini dan dijangkakan tiga hingga empat peratus tahun depan ... jadi masa paling sesuai untuk melaksanakannya," katanya.

Zainal berkata alasan kononnya barangan Malaysia akan kehilangan daya saing di pasaran dunia jika gaji minimum dilaksanakan, tidak boleh diterima lagi.

Katanya gaji minimum telah dilaksanakan di Jepun, Korea Selatan dan Taiwan serta banyak negara membangun tetapi mereka tidak hilang daya saing.

"Mereka perlu meningkatkan kualiti produk mereka untuk bersaing. Tabung Pembangunan Sumber Manusia berjumlah RM450 juta tidak digunakan sepenuhnya untuk melatih pekerja kerana majikan tidak mahu kehilangan produktiviti jika pekerja pergi latihan," katanya.

Sebaliknya, Zainal berkata gaji minimum akan menambahkan kuasa membeli pekerja yang pasti menggalakkan sektor perniagaan dan akan menjadi intensif bagi pekerja berkhidmat di sektor yang kekurangan tenaga kerja seperti perladangan.

"Kononnya pekerja Malaysia memilih gaji ... itu tidak betul kerana pekerja kita lebih memikirkan soal pendapatan. Kalau gaji baik, saya pasti mereka akan tertarik walaupun kerja itu susah," katanya.

Ditanya kemungkinan desakan itu akan mendapat pertimbangan sedangkan tuntutan gaji tetap untuk pekerja ladang pun tidak berhasil, Zainal berkata yang penting adalah majikan mengubah sikap dan cuba mempelbagaikan perniagaan atau penanaman dari hanya bergantung kepada kelapa sawit dan getah.

Zainal juga berkata MTUC akan meminta Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) memberikan bantuan teknikal secara percuma kepada kerajaan Malaysia bagi menubuhkan Skim Penamatan Kerja.

"Saya telah menulis kepada Ketua Pengarahnya untuk tidak mengenakan sebarang bayaran kepada khidmat yang diberi. Sudah jadi tanggungjawab ILO memberikan bantuan seumpama itu," katanya.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek bahawa ILO meminta bayaran US\$10,000 (RM38,000) untuk memberi bantuan teknikal bagi melaksanakan skim itu.

Zainal berkata MTUC juga telah menulis surat kepada Dr Mahathir untuk mengadakan perjumpaan dengan kesatuan-kesatuan sekerja untuk membincangkan beberapa isu pekerja.

Katanya lagi, perayaan Hari Buruh pada Sabtu ini akan diadakan di

Kompleks Sukan Matshushita di Shah Alam dan dijangka 5,000 pekerja akan menyertainya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula dijangka menghadiri majlis makan malam MTUC di Subang Jaya.

-- BERNAMA

AR LAT